

LAMPIRAN A

SPESIFIKASI TEKNIKAL

Tajuk Tawaran : **TAWARAN TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN BAGI MENJALANKAN KEGIATAN / PERUSAHAAN PERTANIAN / BAGI PENGETAHUAN PENGHASILAN TANAMAN**

Semua Pemohon dan/atau wakilnya adalah dimestikan membuat lawatan ke **Tapak Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Stesen Pertanian Labi, Daerah Belait** bersama Pegawai yang mengawasi Projek;

- **Dayang Nurul Maz Juhairah binti Manjul / Awang Moharin bin Hj Tahir/ Awang Zaini bin Aman** di Stesen Pertanian Sungai Liang, Daerah Belait nombor telefon 8957791;
- **Awang Hj Noor Azri bin Hj Mohd Noor / Awang Hirman bin Hj Abu / Awang Mat Rusli bin Hj Abu Bakar** / di Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Daerah Brunei Muara nombor telefon 2470400;
- **Dayang Farah Ani binti Hj Gapor / Awang Muhammad Fahmi bin Hj Masri** di Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei dan Muara nombor telefon 2388060

dan untuk mendapatkan keterangan lanjut Tawaran. Kegagalan membuat lawatan ke kawasan tersebut akan menjaskan permohonan tersebut.

JENIS PERUSAHAAN

Untuk menjalankan perusahaan pertanian secara komersial iaitu :-

Kegiatan/perusahaan pertanian bagi pengeluaran/penghasilan yang lebih menumpukan kepada satu atau dua jenis tanaman sayur-sayuran yang menjadi fokus Jabatan seperti tanaman cili, tomato, timun, petola, peria, labu kuning, terung, bindir dan kacang panjang.

Kaedah-kaedah yang disyorkan adalah penamanan menggunakan teknologi sekurang-kurangnya menggunakan pengairan titis dan penggunaan teknologi tinggi seperti fertigasi, hidroponik, rumah terlindung akan diberikan keutamaan dalam pertimbangan. Kaedah selain penggunaan teknologi akan diberikan pertimbangan mengikut kesesuaian.

LOKASI TAPAK YANG DITAWARKAN

Lot A (2.5 ha), Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Stesen Pertanian Labi, Daerah Belait (Gaz Plan No. 807, Lot no. 5698) (Rajah A).

KELUASAN KAWASAN

Keluasan tidak melebihi 2.5 hektar.

HURAIAN KAWASAN

Topografi kawasan adalah rata.

KEMUDAHAN ASAS YANG ADA

- 1) Jalan ladang
- 2) Bekalan elektrik
- 3) Bekalan air domestik
- 4) Telefon

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN MENGGUNAKAN KAWASAN

1. Syarikat hendaklah mendaftarkan ladang-ladang mereka kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;
2. Syarikat dikehendaki untuk memohon kebenaran daripada pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan agensi yang berkenaan (jika berkenaan) terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan seperti rumah terlindung dan kelengkapan dilaksanakan;
3. Seluas 0.1 hektar (0.25 ekar) sahaja dikhkususkan untuk mendirikan kemudahan seperti rumah buruh, pejabat, stor dan kawasan letak kereta;
4. Syarikat tidak dibenarkan menggunakan/mengusahakan kawasan di luar dari kawasan yang ditawarkan;
5. Syarikat adalah bertanggungjawab mengawal dan memastikan pekerja-pekerjanya berada hanya di kawasan yang diberi kebenaran;
6. Segala perbelanjaan atau pembayaran bagi pemasangan/penyambungan utiliti seperti bekalan api elektrik (**pre-paid electric meter**), **meter air** dan **telefon** adalah ditanggung oleh Syarikat;
7. Syarikat adalah bertanggungjawab untuk membaikpulih segala kerosakan yang berlaku ke atas mana-mana kawasan yang terjejas semasa perusahaan ini sedang dan sesudah dijalankan;
8. Syarikat hendaklah memastikan kawasan projek sentiasa dalam keadaan bersih, tersusun dan selamat serta menjalankan kerja-kerja pemeliharaan (maintenance) kawasan seperti pagar, longkang, jalan ladang dan pembersihan kawasan;
9. Syarikat hendaklah menanggung sendiri perbelanjaan bagi kawalan musuh perosak tanaman seperti serangga, penyakit, monyet, babi hutan, dan lain-lain;
10. Syarikat hendaklah membenarkan mana-mana pakar/pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membuat lawatan dan pemantauan;
11. Syarikat dikehendaki untuk menghadapkan cadangan rancangan pembangunan (business plan) termasuk konsep, pelan susun atur ladang (layout plan), aliran wang tunai (cash flow) dan pelan perlaksanaan (Gantt Chart) ke atas tapak yang ditawarkan;

12. Syarikat dikehendaki untuk mengikuti program pengiktirafan Brunei, Amalan Pertanian Baik atau Brunei GAP (Brunei Good Agricultural Practice); dan
13. Syarikat, jika diperlukan, dikehendaki menyampaikan taklimat mengenai pelan pembangunan kawasan secara menyeluruh di tapak yang ditawarkan. Ini termasuklah pelan bisnes, fasa pembangunan kawasan, jenis tanaman, sistem tanaman, pengendalian lepas tuai atau pemprosesan, pengiktirafan ladang, pelan pemasaran dan sebagainya kepada pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

PERHATIAN

Pemohon-pemohon hendaklah terlebih dahulu mengisi borang perjumpaan dengan pegawai-pegawai berkenaan di:

- Bahagian Industri Tanaman dan Kemajuan Pertanian Daerah di bangunan Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Daerah Brunei Muara; atau
- Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait di Stesen Pertanian Sungai Liang, Daerah Belait; atau
- Unit Pengurusan Tapak Pertanian di Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei dan Muara

bagi memastikan pemohon sendiri telah melawat tapak yang dipohonkan.

LAMPIRAN C

**BORANG PENGESAHAN
PEGAWAI / PENGAWAS PROJEK
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**

(Bahagian ini hendaklah diisikan oleh Pegawai/Pengawas Projek)

Dengan ini adalah disahkan bahawa:

Nama Pemohon: _____

Nama Perusahaan: _____

telah berjumpa dan membuat lawatan pada _____

di KKP _____.

Sekian, terima kasih.


(Tandatangan Pegawai/Pengawas Projek)

Nama : _____

Unit : _____

Tarikh : _____

RAJAH A
LOT A, KKP Stesen Pertanian Labi



Petunjuk:

LOT A - Tapak yang ditawarkan